

Sediakan kemudahan pelancongan

MELAKA, Selasa — Semua kerajaan negeri disaran menyediakan kemudahan pelancongan secukupnya sebagai usaha menarik lebih ramai pelancong ke negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, Kerajaan Pusat sudah menjalankan tugasnya bagi meningkatkan industri pelancongan dengan mengadakan pelbagai promosi pelancongan secara besar-besaran.

"Kini terpulang kepada kerajaan negeri untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi membangunkan industri pelancongan kerana ia berpotensi besar untuk berkembang.

"Antara langkah yang perlu diutamakan termasuk menyediakan kemudahan pelancongan yang secukupnya supaya lebih ramai pelancong berpuas hati dan ingin berkunjung semula ke negara ini," katanya.

Berucap di majlis perasmian Taman Mini Asean di Ayer Keroh dekat sini petang ini, beliau berkata Kerajaan Pusat akan memberi bantuan sewajarnya kepada kerajaan negeri yang sanggup berusaha lebih bagi memajukan negeri masing-masing.

Menurutnya, kerajaan negeri yang berusaha lebih dan memerlukan bantuan bagi menjayakan usaha berkenaan memang patut mendapat per-

tolongan setimpal daripada Kerajaan Pusat.

Datuk Seri Dr Mahathir juga kagum dengan kejayaan kerajaan Melaka melaksanakan pelbagai cadangan yang ditimbulkan untuk membangunkan lagi industri pelancongan di negeri ini.

Sehubungan itu, beliau menyarankan negeri lain mencontohi usaha gigih yang ditunjukkan oleh kerajaan Melaka bagi menjayakan industri pelancongan.

Mengenai Taman Mini Asean, Perdana Menteri berkata, pembinaannya akan menjadi satu lagi daya tarikan pelancong di Ayer Keroh yang terkenal sebagai kawasan pelancongan.

Menurutnya, taman itu juga memberi peluang kepada orang ramai mengetahui dan memahami serba sedikit mengenai negara Asia Tenggara yang lain walaupun tidak pernah berkunjung ke sana.

"Walaupun Asean sudah wujud lebih dua dekad, namun masih ramai rakyat negara Asean tidak berpeluang melawat negara lain, sekalipun ke negara jiran terdekat.

"Kefahaman mengenai negara jiran, termasuk Asean, banyak membantu dalam usaha menjaga dan mengukuhkan keharmonian, persefahaman dan perpaduan di kalangan rakyatnya," katanya.